



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	01.12.22	MUKA SURAT	: 28
JABATAN	:	TNB		

KHAMIS 1 DISEMBER 2022 • SINAR HARIAN

28

TNB siasat kanak-kanak maut dihempap tiang elektrik

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang menjalankan siasatan berhubung kemalangan maut melibatkan seorang kanak-kanak yang bermain di kawasan simpanan sementara tiang-tiang elektrik di Changlun, Kedah.

TNB dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan, pihaknya turut bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa berkaitan bagi mengetahui punca kejadian.

Justeru, TNB mengingatkan orang ramai agar tidak menghampiri tapak kerja dan menyentuh barang-barang binaan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

"TNB turut menghantar wakil menziarahi keluarga mangsa dan memberikan bantuan yang sewajarnya.

"TNB mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa serta bersimpati dengan keluarga dua lagi kanak-kanak yang sedang menerima rawatan di Hospital Jitra," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini media melaporkan, seorang kanak-kanak maut manakala dua lagi rakannya parah dipercayai dihempap tiang elektrik di Jalan K16, Kampung Belukar dekat Changlun pada Selasa.



Seorang kanak-kanak maut, manakala dua lagi tidak sedarkan diri dipercayai dihempap tiang elektrik yang

Laporan *Sinar Harian* pada 29 November lalu.

anir

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia